



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil 2/2007

PENGESANAN PRESTASI DAN PENENTUAN KUALITI PERKHIDMATAN PERUNDING

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memastikan prestasi semua perunding yang dilantik oleh Jabatan dipantau secara berkala dan menggunakan format piawai Laporan Prestasi Perunding berpandukan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil 8 Tahun 2006.

2.0 LATAR BELAKANG

SPP 8/2006 telah mensyaratkan perunding yang dilantik hendaklah menyempurnakan semua obligasi yang ditetapkan dalam Perjanjian Perkhidmatan Perunding dan mematuhi semua peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa.

Jabatan dikehendaki melaporkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia sekiranya perunding gagal menyempurnakan obligasi dan / atau peraturan berkenaan. Disamping itu, Jabatan juga dikehendaki mengemukakan laporan prestasi perunding secara berkala kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan menggunakan format piawai yang telah ditetapkan.

3.0 KAEDAH PERLAKSANAAN PENGESANAN PRESTASI PERUNDING

3.1 Laporan Prestasi Perunding Secara Berkala

Semua Bahagian/JPS Negeri/Pejabat Projek yang menggunakan khidmat perunding yang dilantik oleh JPS dikehendaki mengawasi prestasi perkhidmatan perunding yang dilantik. Prestasi perunding hendaklah dilapor terus kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia dan disalinkan kepada Urusetia Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan Perunding JPS Malaysia di Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan seperti berikut :

- a) **Sekali** apabila projek/kajian selesai dilaksanakan bagi projek/kajian yang mengambil masa **enam (6) bulan** atau kurang.
- b) Setiap **tiga (3) bulan** sekali dari tarikh perlantikan perunding sehingga tamat bagi projek yang mengambil masa lebih dari **enam (6) bulan**.
- c) Laporan akhir prestasi perunding dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas Sijil Siap Kerja dikeluarkan/projek disiapkan.

Laporan untuk prestasi perunding hendaklah menggunakan salah satu format yang piawai iaitu:-

- i) Format borang laporan penilaian prestasi untuk projek skop pembangunan fizikal adalah seperti di **Lampiran K1** dan hendaklah ditandatangan oleh Pegawai Pengguna/Pengarah Projek atau pegawai yang diberi kuasa.
- ii) Format borang laporan penilaian prestasi untuk kajian adalah seperti di **Lampiran K2** dan hendaklah ditandatangan oleh Ketua Pengarah/Pengarah Bahagian/Pengarah JPS Negeri.

3.2 Aduan Kegagalan / Prestasi Perunding

Aduan berkaitan dengan kegagalan perunding menyempurnakan obligasi dalam Perjanjian Perkhidmatan Perunding / peraturan yang berkuatkuasa ataupun aduan mengenai prestasi perunding boleh dilaporkan oleh Bahagian/JPS Negeri/Pejabat Projek pada bila-bila masa terus kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia dan disalinkan ke Urusetia Jawatankuasa Penyelarasaran Perkhidmatan Perunding JPS Malaysia di Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak.

3.3 Perakuan Tindakan Ke Atas Perunding

Setiap laporan atau aduan berkaitan prestasi perkhidmatan perunding merupakan maklumat terperingkat dan untuk kegunaan Lembaga Perolehan ‘A’ Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Kewangan Malaysia sahaja. Bagi perunding yang menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan dan perunding yang gagal

menyempurnakan obligasi dan/atau peraturan dalam kontrak, Bahagian/JPS Negeri/Pejabat Projek boleh dalam laporan/aduan membuat perakuan kepada Perbendaharaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya seperti berikut:

- a) Memberi amaran kepada firma berkenaan;
- b) Menggantung pendaftaran firma berkenaan;
- c) Membatalkan pendaftaran firma berkenaan;
- d) Senaraihitam firma perunding;
- e) Senaraihitam pemilik/Lembaga Pengarah firma berkenaan; dan
- f) Tindakan-tindakan lain yang difikirkan sesuai.

3.4 Kemaskini Maklumat Prestasi Perunding dalam Sistem SMAP JPS

Maklumat prestasi perunding yang dimaklumkan dalam Laporan Prestasi Perunding atau dalam Aduan Ke Atas Perunding yang disalinkan kepada urusetia JPPP JPS hendaklah dikemaskinikan dalam sistem SMAP oleh urusetia. Maklumat dalam sistem SMAP akan menjadi rujukan terkini dalam cadangan dan pertimbangan perlantikan perunding.

4.0 PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”**

(DATO’ PADUKA IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Bil. Fail : (62) dlm PPS. 10/4/2 BUB Jld. 4